

PM Lee lakar hala tuju masa depan Singapura, gesa rakyat berjiwa lebih besar

▶ *Umum lagi dua universiti bagi tampung lebih ramai mahasiswa*

▶ *Pembentukan badan berkanun selia pendidikan prasekolah*

▶ *Pertimbang pelbagai saranan, insentif atasi isu kadar rendah kelahiran*

Oleh SAAT A. RAHMAN
saat@sph.com.sg

PERDANA Menteri, Encik Lee Hsien Loong, malam tadi mengumumkan beberapa langkah yang bertujuan memenuhi antara keprihatinan dan aspirasi utama warga Singapura dalam pendidikan, selain mendedahkan usaha terbaru yang sedang diambil pemerintah bagi mengatasi masalah kadar kelahiran di sini.

Beliau melihat pendidikan sebagai satu pelaburan jangka panjang yang genting dan Singapura perlu mempunyai sistem pendidikan yang baik pada setiap tahap.

Encik Lee mengumumkan bahawa Singapura akan mempunyai dua lagi universiti bagi menampung lebih ramai pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah.

Dalam bidang prasekolah pula, pemerintah akan membentuk sebuah badan berkanun bagi menyelia pendidikan di peringkat itu, di samping mempertingkatkan latihan bagi guru prasekolah.

Berhubung usaha menggalak rakyat berkeluarga dan mempunyai anak, pemerintah akan mempertimbangkan pelbagai saranan dan insentif bagi menangani isu kadar kelahiran yang rendah.

Ini termasuk dalam hal menjalani kehidupan bekerja yang seimbang; perumahan; kelahiran; perubatan; prasekolah; penjagaan kanak-kanak serta bayi; dan bonus bayi.

Pemerintah akan melakarkan satu pakej penambahan penduduk itu sebelum Kertas Putih mengenai kelahiran diterbitkan.

Perdana Menteri mendedahkan demikian ketika berucap dalam Rapat Hari Kebangsaan di Pusat Budaya Universiti, Universiti Nasional Singapura (NUS) yang dihadiri para pemimpin politik dan pemerintah, para pemimpin masyarakat dan akar umbi.

Menerusi ucapan yang turut disiarkan se-

cara langsung di televisyen itu, Encik Lee mengajak rakyat Singapura supaya sama-sama berganding bahu menjadikan negara sebuah kediaman yang penuh harapan dan masyarakat yang berjiwa besar.

Apakah corak lembaran baru dalam kisah Singapura dan Singapura yang bagaimana yang diinginkan rakyat dalam tempoh 20 tahun mendatang? Tanya beliau.

Beliau berkata, yang pasti, akan terdapat banyak perubahan dalam dunia, dan kemungkinan terbuka satu era menarik dengan kemajuan pesat dan perubahan dramatik.

Beliau menyebut beberapa contoh keadaan 20 tahun yang lalu, misalnya tanpa jalinan Internet, dan tiada siapa yang dapat bayangkan akan wujud Facebook atau YouTube.

“Siapa yang dapat membayangkan apakah penemuan-penemuan baru yang bakal berlaku dalam 20 tahun akan datang? Bagaimana ia akan membawa kesan kepada kehidupan?” kata Encik Lee.

Rapat Hari Kebangsaan malam tadi turut menyaksikan perubahan format, dengan Encik Lee menjemput seorang menteri dan dua menteri negara berucap terlebih dulu.

Mereka ialah Menteri Pendidikan, Encik Heng Swee Keat; Menteri Negara Kanan (Pendidikan merangkap Penerangan, Perhubungan dan Kesenian), Encik Lawrence Wong; dan Menteri Negara (Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan), Cik Halimah Yacob.

Laporan lain 2 - 9

Berhubung dengan pendidikan universiti, pemerintah akan menambah bilangan tempat pagi pengajian sepenuh masa peringkat ijazah, dengan menjadikan Institut Teknologi Singapura (SIT) dan UniSIM universiti kelima dan keenam.

Ini bermakna, bilangan kemasukan se-



PENUHI ASPIRASI WARGA: Perdana Menteri Lee berucap dalam Rapat Hari Kebangsaan di Pusat Budaya Universiti, NUS, yang dihadiri para pemimpin politik dan pemerintah, para pemimpin masyarakat dan akar umbi. – Foto-foto KHALID BABA

tiap tahun bertambah sebanyak 3,000 setiap tahun menjelang 2020 (daripada 13,000 sekarang kepada 16,000).

Lebih peluang juga akan dibuka kepada pelajar dewasa menerusi pengajian sambil-an MOE akan mengumumkan butir-butir perubahan itu kemudian.

Mengenai pendidikan prasekolah, selain membentuk badan berkanun, pemerintah juga akan mengendalikan beberapa pusat prasekolah di bawah projek perintis bagi menguji beberapa konsep baru pendidikan prasekolah.

Dalam membina kediaman yang lebih baik, Perdana Menteri mengajak rakyat Singapura supaya menjadi masyarakat berjiwa besar – satu nilai penting yang telah membina masyarakat yang harmoni sejauh ini.

Satu daerah yang rakyat perlu berjiwa besar adalah dari segi hubungan antara mere-

ka dengan bukan rakyat Singapura, katanya, sambil menggesa agar mereka menyemai sikap saling hormat menghormati.

Menerusi ucapannya, Perdana Menteri turut menyentuh beberapa kenangan lama beliau yang manis, yang menurutnya penting bagi menjadikan Singapura kediaman terbaik.

Katanya, kesemua rakyat mempunyai kisah dan kenangan lama masing-masing, dan ia membentuk kisah Singapura, yang harus dihargai dan diperkuatkan lagi.

“Dalam masa depan yang kita kongsi bersama, kehidupan kita akan melalui perubahan.

“Tetapi semangat kita untuk meneruskan kisah Singapura penting dan segar untuk semua, tidak harus luntur.

“Marilah kita bekerja bersama-sama bagi mewujudkan Singapura yang lebih baik,” kata beliau.

Perbincangan nasional ini adalah

pertama sekali mengenai mengutamakan warga Singapura. Ia satu peluang bagi warga Singapura untuk berkumpul dan bertanya: Apa perkara yang paling penting? Ke mana arah kita sebagai sebuah negara, sebagai satu rakyat?

– Menteri Pendidikan, Encik Heng Swee Keat



Hari ini, Singapura boleh disifatkan sebagai

‘seronok, ranggi dan rancak.’ Kita mempunyai kalendar yang dipenuhi dengan persembahan kesenian dan kebudayaan serta kegiatan sukan untuk dinikmati. Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY) yang baru akan membina atas apa yang dicapai untuk memperkukuhkan Singapura sebagai pusat kesenian, kebudayaan dan sukan.

– Menteri Negara Kanan (Pendidikan merangkap Penerangan, Perhubungan dan Kesenian) Encik Lawrence Wong

